

03 SEP 2001

Syed Hamid-Lee

M'SIA-S'PURA BERTEKAD SELESAI ISU BERBANGKIT

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perbincangan antara Malaysia dan Singapura bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit, berjalan lancar memadamkan kedua-dua negara bertekad menyelesaikannya, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Katanya perbincangan mengenai isu-isu belum selesai kini lebih khusus kepada perkara yang boleh dilakukan untuk menyelesaikannya, tidak seperti sebelum ini, dengan kedua-dua pihak hanya membincangkan pakej secara meluas.

"Saya yakin... kerana Menteri Kanan Lee Kuan Yew mempunyai tanggapan dan kesedaran yang lebih baik terhadap Malaysia. Pihak mereka membuat beberapa cadangan dan pihak kita juga membuat beberapa cadangan."

"Kami mahu melihat semua isu berbangkit antara kedua-dua negara ini diselesaikan serta merta," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama Lee dan delegasi Singapura yang lain yang sedang melakukan lawatan empat hari ke negara ini.

Syed Hamid berkata lawatan Lee ke Malaysia kali ini tidak akan menyelesaikan isu-isu berbangkit tetapi akan memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk mengkaji semula perkara itu.

"Kami berminat terhadap sesuatu yang boleh menyelesaikan isu-isu itu tetapi kami tahu bahawa ia tidak boleh diselesaikan pada pertemuan kali ini tetapi sekurang-kurangnya ia memberi peluang kepada para pemimpin untuk mengkaji semula semua perkara yang belum diselesaikan," katanya.

Menteri Kanan Singapura itu dijadual mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, esok.

Syed Hamid yang ditanya mengenai perkara yang akan dibincangkan antara Dr Mahathir dan Lee berkata tidak ada agenda khusus tetapi ada kemungkinan bahawa isu-isu yang belum selesai antara kedua-dua negara akan dibangkitkan pada perbincangan itu.

Kali terakhir Lee melawat Malaysia ialah pada Ogos tahun lepas dan pada masa itu beliau dan Dr Mahathir membincangkan mengenai pakej isu dua hala yang kadang kala menegangkan hubungan kedua-dua negara.

Isu-isu dalam pakej itu ialah perjanjian baru bekalan air dengan Singapura, penempatan semula Pusat Pemeriksaan Kastam Malaysia dari Stesen Keretapi Tanjung Pagar, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad di Singapura dan pengeluaran caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat

-- BERNAMA
MHI AFY LAT